

Terma Terma dan Syarat Syarat
Kempen “Rebat Tunai Deposit Tetap/-i Cagaran Kad Kredit CIMB 2025”

1. “Rebat Tunai Deposit Tetap/-i Cagaran Kad Kredit CIMB 2025” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad 197201001799 (13491-P) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 (671380-H) (“**CIMB Islamic**”). CIMB Bank dan CIMB Islamic hendaklah di sini secara kolektif dirujuk sebagai (“**CIMB**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 1 Mei 2025 sehingga 31 Oktober 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua Pemohon Baru-Kepada-Kad (“*New-To-Card*”) (pelanggan yang tidak memiliki kad kredit yang dikeluarkan oleh CIMB) yang memohon kad kredit utama baru yang dikeluarkan oleh CIMB (“**Kad Kredit Layak**”) semasa Tempoh Kempen (“**Pemohon**”);

Kategori orang/entiti berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini:-

- i) Kakitangan atau pekerja tetap dan/atau sambilan CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya); dan/atau
 - ii) Pemegang kad kredit utama CIMB sedia ada; dan/atau
 - iii) Pelanggan yang telah membatalkan kad kredit utama CIMB beliau dalam enam (6) bulan terakhir sebelum tarikh kelulusan kad kredit utama CIMB yang baru dipohonnya semasa Tempoh Kempen; dan/atau
 - iv) Individu di bawah umur 21 tahun pada masa permohonan.
5. CIMB merizabkan hak untuk melulus atau menolak mana-mana pemohon kad kredit dan/atau untuk meminta apa-apa dokumen sokongan selanjutnya sebagaimana yang difikirkannya sesuai. Bagi mengelakkan keraguan, CIMB mempunyai budi bicara tunggal dan mutlak untuk menentukan sama ada dokumen sokongan mencukupi untuk tujuan pemprosesan permohonan kad kredit yang dikemukakan kepada CIMB.

Mekanik dan Syarat-Syarat Kempen

6. Pemohon akan layak kepada Pulangan Tunai Cagaran Deposit Tetap/-i ("**Pulangan Tunai Cagaran FD**") jika Pemohon memenuhi Kriteria (i) hingga (iv) di bawah.

- i) Pemohon mengemukakan permohonan untuk mana-mana Kad Kredit Layak dengan mencagarkan Deposit Tetap/-i ke CIMB; DAN
- ii) Deposit Tetap/-i cagaran ke CIMB mestilah jumlah minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) dan atas; DAN
- iii) Permohonan kad kredit utama mesti diluluskan sebelum 7hb November 2025; DAN
- iv) Pemohon mesti mengaktifkan Kad Kredit Layak dan membelanjakan minimum RM500 dalam tempoh 60 hari dari Tarikh Kelulusan Kad.

Untuk mengelakkan keraguan, "**Tarikh Kelulusan Kad**" hendaklah bermaksud tarikh seperti yang dinyatakan dalam pembawa kad yang dihantar bersama Kad Kredit Layak kepada Pemohon.

Selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Kriteria Layak**".

Pulangan Tunai Cagaran Deposit Tetap Kempen dan Proses Kriteria Pemenuhan

7. Pemohon akan menerima Pulangan Tunai Cagaran FD pada kadar 0.5% dari jumlah keseluruhan Deposit Tetap/-i dicagarkan, yang dihadkan maksimum Ringgit Malaysia Seratus (RM100) sepanjang tempoh kempen atas dasar siapa cepat dia dapat ("*first-come, first-served*").

Contoh:

Pelanggan	Pelanggan A	Pelanggan B	Pelanggan C
Jumlah sebenar Deposit Tetap/-i yang Dicagarkan untuk Kad Layak	RM10,000	RM20,000	RM30,000
Memorandum Gadaian untuk Kemudahan Kad Kredit (0.5% pada Deposit Tetap/-i yang dicagar)	RM50	RM100	RM150
Pulangan Tunai Cagaran FD diterima	RM50	RM100	RM100

8. Jumlah Pulangan Tunai Cagaran FD adalah RM50,000 diperuntukkan sepanjang Tempoh Kempen.

9. Untuk mengelakkan keraguan, setiap pelanggan hanya berhak mendapat satu (1) unit Pulangan Tunai Cagaran FD sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

10. Tertakluk kepada Klausa 6 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Pulangan Tunai Cagaran FD hendaklah dikreditkan ke dalam akaun utama Kad Layak Pemohon dalam enam belas (16) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen ("**Tempoh Pemenuhan**").

11. Pada masa penerimaan Pulangan Tunai Cagaran FD oleh Pemohon, akaun Kad Layak Pemohon MESTI TIDAK berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam definisi CIMB, jika tidak Pemohon akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau daripada menerima Pulangan Tunai Cagaran FD.
12. Pemohon yang layak menerima Pulangan Tunai Cagaran FD akan dapat melihat jumlah Pulangan Tunai Cagaran FD dalam penyata bulanan kad kredit berikut Pemohon selepas pengkreditan Tawaran Pulangan Tunai telah dilakukan oleh CIMB.
13. Pemohon hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. Pemberitahuan oleh CIMB akan berdasarkan nombor telefon Pemohon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat menyurat di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB.
14. CIMB tidak akan melayan apa jua aduan berhubung dengan Pulangan Tunai Cagaran FD dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dengan cara apa pun berkenaan dengan apa-apa kegagalan teknikal atau apa-apa jenis, campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Layak melainkan yang sama disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
15. CIMB tidak menerima tanggungjawab terhadap apa-apa implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Pulangan Tunai Cagaran FD atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang perlu dibayar kepada mana- mana pihak berkuasa akibat penerimaan Pulangan Tunai Cagaran FD kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pemohon. Ia adalah tanggungjawab setiap Pemohon untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai implikasi berpotensi yang mungkin timbul terhadap keadaan kewangannya sendiri.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

16. Pemohon bersetuju dengan menyertai Kempen ini, mereka:
 - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini
 - b) mempunyai akses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Pemohon boleh berkongsi dengan CIMB mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan adalah munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai yang diberikan dan penentuan Pemohon, adalah muktamad, terikat dan konklusif; dan

- f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Pemohon sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajipannya kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam ("act of God") di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) apa-apa faktor dalam bentuk force majeure yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
- 17. Pemohon akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai jika semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum Pulangan Tunai dikreditkan:
 - a) Pemohon memungkirkan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Kredit Yang Layak;
 - b) Kad Kredit Yang Layak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktiraf oleh undang-undang; atau
 - c) Kad Kredit Yang Layak telah delinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan oleh Pemohon atau CIMB.
- 18. CIMB menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pemohon yang ia ditentukan:
 - a) mengganggu proses penyertaan; dan/ atau
 - b) bertindak memungkirkan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 19. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas permohonan Kad Kredit Layak yang lewat, hilang, tidak lengkap, salah diserahkan, tertangguh, tidak boleh dibaca, rosak atau salah arah atau surat-menyurat berkaitan sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pengubahan, pemadaman, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya melainkan perkara yang sama disebabkan secara langsung oleh kecuaiian besar atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.
- 20. CIMB menyimpan hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pemohon melalui:
 - (i) pengumuman di laman web; dan/ atau
 - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/ atau
 - (iii) atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Pemohon akibat secara langsung atau tidak langsung oleh Pulangan Tunai dan/atau tindakan pembatalan, penggantungan, pemendekan atau lanjutan Kempen ini.

21. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemohon atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) akibat daripada:
- a) Penyertaan atau bukan penyertaan Pemohon dalam Kempen; dan/atau
 - b) Tidak menerima atau kelewatan dalam menerima Short Message Service ("**SMS**") atau Electronic Direct Mailer ("**eDM**") oleh Pemohon
- melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau dan keingkaran sengaja CIMB.
22. a) CIMB menyimpan hak untuk meminda, menambah, memadam atau mengubahsuai mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemohon melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/ atau
 - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/ atau
 - (iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/ atau
 - (iv) atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB
- b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Pemohon dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi.
 - c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Pemohon mengenai perubahan ini secepat mungkin.
 - d) Pemohon bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap/-i untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
23. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemohon bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh Pemohon secara langsung atau tidak langsung akibat daripada Pindaan.
24. Pemohon akan menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB tidak menanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) Pemohon menyertai kempen ini; dan/ atau
 - b) Pemohon menerima, menebus atau menggunakan Pulangan Tunai; dan/atau
 - c) melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.
25. Terma-terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
 - b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit Yang Layak semasa yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
26. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB tertakluk.

27. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang ada dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.

28. a) Pemohon boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen, melalui surat, panggilan telefon, dan emel:

Alamat: CIMB Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No Telefon: 603 6204 7788

E-mel: contactus@cimb.com

b) Pemohon boleh menghubungi Pusat Hubungan CIMB untuk sebarang pertanyaan berkaitan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen ini di nombor telepefon” +603 6204 7788 atau emel kepada contactus@cimb.com

c) CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Pemohon melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.